

21/07/1998

Dana buku perlu dibantu

Rusnita Pechok

SEKTOR swasta khususnya syarikat penerbitan disaran menyumbang seberapa banyak bahan bacaan untuk Dana Buku Kebangsaan yang akan dilancar 5 Ogos ini sempena Bulan Galakan Membaca untuk disalurkan ke pustaka desa, di seluruh negara.

Pengarah Pembangunan Manusia, Bahagian Kemajuan Masyarakat (Kemas), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Ibrahim Narek, berkata setakat ini beberapa syarikat sudah menunjukkan kesediaan untuk menyumbang buku baru terbitan syarikat mereka.

Menurut Ibrahim, syarikat yang menyumbang untuk Dana Buku Kebangsaan itu akan diberikan surat penghargaan yang boleh digunakan bagi pengecualian cukai berikutan sumbangan yang diberikan itu.

Selain itu, beliau berharap media massa turut memberi kerjasama erat seperti mempromosikan kempen itu dan meletakkan slogan 'Membaca Jambatan Ilmu' dalam akhbar masing-masing.

Langkah itu katanya dapat membantu usaha menjayakan program yang akan berlangsung selama dua bulan iaitu sehingga 30 September iaitu pada Hari Kenal Huruf Sedunia.

Katanya, dengan wujudnya banyak pusat bacaan di luar bandar diharap lebih ramai rakyat negara ini dapat memperolehi bahan bacaan secara percuma.

"Justeru, diharapkan tokoh korporat, orang perseorangan dan syarikat penerbitan tampil menyumbang sama ada buku terpakai atau baru untuk diagihkan kepada masyarakat desa," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa mengumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Dana Buku Kebangsaan, 5 Ogos ini.

Usaha mewujudkan dana itu dilaksanakan dengan kerjasama Petronas dan Pos Malaysia yang akan dijadikan pusat pengumpulan buku berkenaan.

Menurut Annuar, dana itu diharap dapat membantu kerajaan mewujudkan sekurang-kurangnya 1,000 pusat bacaan di seluruh negara.

Menurut Ibrahim, setakat ini Kemas mempunyai 198 pusat bacaan di seluruh negara dan terdapat sebanyak 650 perpustakaan termasuk perpustakaan bergerak di seluruh negara.

Melalui dana terbabit, Kemas berharap dapat mengadakan sebuah pustaka bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu sebanyak 508, manakala selebihnya dibuat sudut bacaan di rumah orang tua, rumah orang cacat dan sebagainya sehingga mencecah angka 1,000.

Katanya, pihak Petronas atau Pos Malaysia sebagai tempat pengumpulan akan menghantar buku yang diterima ke pusat kegiatan masyarakat Kemas ataupun Kemas sendiri datang mengambil buku terbabit untuk diklasifikasikan dan diagihkan ke tempat yang sesuai.

Menurutnya, buku pelajaran kurang digalakkan kerana tidak mahu pelajar terkeliru dengan buku yang lama yang tidak mengikuti sukatan pelajaran terbaru.

"Memang diakui kemungkinan ada juga buku yang di luar jangkaan diterima seperti komik dan beberapa majalah hiburan. Bagaimanapun kita tetap akan menerimanya dan mungkin akan diletakkan di kedai-kedai kopi sebagai hiburan," katanya.

(END)